

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH)
TARIKH : 19 OKTOBER 2016
SOALAN :**

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan anggaran kos yang dibiayai oleh pesakit di Hospital Kerajaan dan Hospital Swasta setakat bulan September 2016. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan kos perubatan di hospital swasta mampu dibiayai oleh pesakit.

Tuan Yang di-Pertua,

Anggaran kos yang dibiayai oleh pesakit di hospital Kerajaan bagi tahun 2016 setakat bulan Ogos 2016 adalah sebanyak RM318,124,984.22 melibatkan 23,321,190 orang pesakit.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, sejak tahun 2006, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memantau kos perubatan di hospital swasta berpandukan Jadual Ketiga Belas, Peraturan-Peraturan Kemudahan

dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006.

Jadual Ketiga Belas memberi kuasa kepada Kerajaan untuk meletakkan harga siling atau had maksimum kepada fi profesional iaitu fi perundingan dan fi tatacara pengamal perubatan atau pergigian swasta supaya rakyat diberi perlindungan daripada dikenakan caj yang terlampau tinggi. Walau bagaimanapun, selain daripada fi profesional KKM tidak mengawal kos bagi penginapan, fi tatacara kejururawatan, caj peralatan seperti caj alat pakai buang (jarum, picagari, *gauze* dan lain lain), caj ujian makmal dan kos ubat-ubatan.

Ini adalah satu usaha oleh Kerajaan untuk mengawal kos rawatan di hospital swasta bertujuan untuk menjaga kebajikan rakyat.